

MEI 2022



CASSIA

KERJASAMA HORMAT INTEGRITI DINAMISME SEMANGAT




Pekerja
Keluarga Malaysia
Tonggak Dalam
Pemulihan Negara

Selamat Hari Raya *Aidilfitri*

Kepada

Semua Warga FGV

*Minyak Saji buat gorengan,
Gula Prai ambil di peti,
Syanal dirai penuh kesyukuran,
Maaf di pohon seikhlas hati.*



Dato' Dzulkifli Abd Wahab,
Pengerusi
Kumpulan FGV



Mohd Nazrul Izam Mansor,
Ketua Pegawai Eksekutif
Kumpulan FGV

EDITORIAL

PENAUNG
Mohd Nazrul Izam Mansor

PENASIHAT
Vincent Chui Tee Suan

EDITOR
Dalilah Ibrahim

PENGURUS PROJEK
Ili Diyana Amirrudin

PEREKA GRAFIK
Mohd Nazzim Kamsaim



TERBITAN

Komunikasi Strategik Kumpulan
FGV Holdings Berhad NO 200701042133
(800165-P)
Aras 20, Wisma FGV, Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur, Malaysia
fgvholdings.com

Ramadan Penuh Pengisian Dan Pengertian Buat Warga FGV

Seperti tahun-tahun sebelumnya, FGV mengimarahkan Ramadan yang mulia dengan melaksanakan program tadarus dan khatam al-Quran, serta majlis berbuka puasa.

Program tadarus Al-Quran yang bermula sejak awal Ramadan, telah disertai seramai 124 petugas Kumpulan, dan diakhiri dengan majlis khatam Al-Quran di Surau Al-Muhajirin, Wisma FGV pada 22 April lalu di bawah pimpinan Ustaz Ilyas Helmi Mohd Yusof.

Tujuan program tadarus Al-Quran diadakan adalah bagi mengeratkan hubungan silaturahim antara warga FGV tanpa mengira pangkat dan usia, selain mendapatkan keberkatan sempena Ramadan.

Program ini juga mewujudkan penghayatan dalam pembacaan Al-Quran, sekali gus memantapkan pembacaan kitab suci itu dalam kalangan warga FGV.

Dato' Dzulkifli Abd Wahab, Pengurus Kumpulan FGV turut hadir bagi merasmikan majlis penutup program. Hadir sama, Nazrul Izam Mansor, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV.



bersama anak-anak yatim, warga emas, orang kurang upaya (OKU) serta pelajar-pelajar tahliz daripada Pusat Jagaan Mahmudah Malaysia, Muslim Care Malaysia, Sekolah Tahfiz Al-Habbah dan Pertubuhan Kebajikan dan Penjagaan Nur Hidayah.

Sumbangan wang tunai keseluruhan berjumlah RM70,000 telah diserahkan oleh Dato' Dzulkifli kepada keempat-empat badan kebajikan tersebut.

Dato' Dzulkifli turut mengambil kesempatan beramah mesra dan menyantuni anak-anak yatim, golongan OKU, warga emas dan pelajar tahliz yang hadir pada majlis berkenaan. Majlis berbuka puasa itu diakhiri dengan solat sunat tarawih secara berjemaah, yang turut disertai oleh pelajar tahliz daripada Sekolah Tahfiz Al-Habbah. Menerusi pelbagai pengisian yang diadakan, semua warga FGV diharap mendapat manfaat, di samping dapat bersama-sama mendapat keberkatan Ramadan al Mubarak.

Ketika majlis penutup program tadarus dan khatam Al-Quran, para peserta turut menerima hadiah berupa sagu hati daripada FGV.

Pada hari yang sama, FGV turut mengadakan majlis berbuka puasa

Lawatan KPDNHEP ke MSM Sugar Refinery (Johor)

Pada 28 April, Dato' Syed Hisham Syed Wazir, Pengurus Kumpulan MSM, Tuan Syed Feizal Syed Mohammad, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Muhammad Irfan Abdullah, Pemangku Ketua Operasi MSM Johor bersama pengurusan kanan Kumpulan MSM berbesar hati mengalukan kedatangan delegasi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang diketuai oleh YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri KPDNHEP dan Dato' Azman

Mohd Yusof, Ketua Setiausaha KPDNHEP, serta pegawai-pegawai kanan KPDNHEP.

YB Menteri dan delegasi KPDNHEP meluangkan masa untuk mendengar taklimat yang disampaikan oleh pengurusan tertinggi Kumpulan MSM dan melawat operasi MSM Johor.



Majlis-Majlis Agama Islam Negeri Terima Sumbangan Zakat FGV



Pada 25 April, FGV menyampaikan zakat perniagaannya bernilai RM33.57 juta kepada 14 wakil daripada majlis-majlis agama Islam negeri. Penyerahan cek replika disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob,

Perdana Menteri Malaysia bersempena majlis berbuka puasa bersama warga Felda dari seluruh negara di kediaman rasmi beliau di Seri Perdana, Putrajaya. Turut hadir ialah Dato' Seri Idris Jusoh, Pengurus FELDA, Dato' Dzulkifli Abd Wahab, Pengurus Kumpulan FGV dan Nazrul Izam Mansor, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV.

Majlis Berbuka Puasa Bersama Ahli Lembaga Pengarah



Kemeriah Ramadhan jelas dirasai dalam majlis berbuka puasa bersama Ahli Lembaga Pengarah Kumpulan

FGV yang disertai barisan pengurusan tertinggi.

Diadakan di Dewan Perdana Felda pada 18 April, majlis bertujuan mengeratkan silaturrahim dalam kalangan ahli lembaga pengarah

Kumpulan dan barisan pengurusan selain mengimarahkan bulan Ramadhan.

Antara yang hadir termasuk Dato' Dzulkifli Abd Wahab, Pengurus Kumpulan FGV, Dato' Syed Hisham Syed Wazir, Pengurus Kumpulan MSM dan Nazrul Izam Mansor, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV.

Selepas berbuka puasa, ahli lembaga pengarah yang hadir turut menunaikan solat Maghrib dan Isyak secara berjemaah, disusuli solat tarawih yang dipimpin oleh Ustaz Ilyas Helmi Mohd Yusof.

Felda Travel Teruskan Program Iftar Ramadhan Tahun Ini



Alhamdulillah! Program tahunan Iftar Ramadhan anjuran Felda Travel diteruskan lagi pada tahun ini. Terima kasih kepada penaja-penaja program Iftar Ramadhan 2022.

Pihak Hotel Seri Costa, Melaka milik Felda Travel telah menyediakan juadah berbuka puasa kepada golongan asnaf, anak-anak yatim, pelajar tahfiz dan fakir. Semoga Allah terima amalan dan ibadat semua penyumbang.

FGV Santuni Penghuni Pusat Jagaan Mahmudah Malaysia, Semenyih



FGV menyantuni 40 orang penghuni Pusat Jagaan Mahmudah, Semenyih, Selangor pada 16 April dengan memberi sumbangan zakat bernilai

RM10,000 untuk kegunaan dan kemudahan pusat jagaan tersebut.

Petugas FGV turut beramah mesra dengan berbuka puasa dan bersolat jemaah dengan penghuni pusat jagaan tersebut.

Puluhan Tahun Berhujan, Panas Demi Kecintaan Pada Ladang



Minat dan kecintaan mendalam pada ladang yang sudah diusahakannya sejak lebih 30 tahun lalu menjadi pendorong untuk Mahidin Mat Saad terus memerah keringat di bawah terik mentari, meskipun usianya sudah mencelah lebih separuh abad.

Mahidin, 52, bertugas sebagai Penolong Pengurus di Chuping Agro Valley di Perlis sejak April 2021, selepas FGV mengambil alih ladang tanaman dan buah-buahan seluas 4,400 hektar itu pada 2020. Namun, jodoh anak jati Perlis itu dengan ladang berkenaan sebenarnya sudah bermula seawal 1990, di mana beliau terbabit secara langsung dalam menjaga dan memastikan kualiti hasil tanaman di ladang itu seperti tebu, harum manis dan sawit, dalam keadaan terbaik.

Bagaimanapun, dalam tempoh tiga tahun sebelum FGV mengambil alih hak milik, ladang itu terbiar hingga dinaiki semak-samun berikutan semua pekerja ladang, termasuk Mahidin, terpaksa dilepaskan.

"Sebaik saja dimaklumkan bahawa FGV sedang mencari pekerja untuk ladang itu selepas ia diambil alih, saya tidak berfikir panjang dan terus memohon kerana saya ingin melihat ladang ini menjadi lebih baik berbanding dahulu.",

Di bawah perancangan terkini, FGV serta anak syarikat senaraian awamnya, FGV Integrated Farming (FGVIF) bakal membangun dan mentransformasi Chuping Agro Valley menjadi kawasan pertanian baru yang dinamakan Lembah Makanan Agro FGV.

Mahidin mengakui berdepan tugas sukar untuk membangunkan semula

tanah itu yang sudah bertukar menjadi belukar, dan terpaksa bermula semula dengan membersihkan ladang itu secara berdua bersama pengurus ladang, sebelum pekerja di ladang itu bertambah kepada 88 orang ketika ini.

Antara cabaran dilaluinya untuk membuka semula ladang itu adalah apabila segelintir pekerja baharu tidak sanggup bertahan dengan realiti bekerja di ladang, di mana mereka terpaksa bekerja di bawah terik matahari dan berhujan selama beberapa jam setiap hari.

"Memang bukan senang untuk bekerja dalam keadaan cuaca yang panas dalam tempoh masa yang panjang. Itulah kebiasaan sebagai pekerja ladang, berhujan dan panas. Selain itu, kebanyakan pekerja baharu tiada berpengalaman dan kurang mahir mengenai tanaman itu sendiri seperti


harum manis dan sawit," katanya.

Enggan mengalah dengan situasi itu, Mahidin menampilkan tahap kepimpinan yang tinggi apabila beliau sendiri sanggup turun ke ladang hampir setiap hari bagi menunjuk ajar secara *hands-on* dan memberi kata-kata semangat kepada pekerjanya.

Bapa kepada tiga anak itu memahami kesukaran dialami pekerja baharu, memandangkan Mahidin sendiri bermula daripada bawah dan pernah berdepan situasi sama ketika mula-mula menceburkan diri dalam sektor ladang lebih 30 tahun lalu.

"Anggaplah ini ladang kita sendiri, barulah kita akan menjaga ladang ini secara bersungguh-sungguh dan seikhlas hati.

"Buat generasi muda di luar sana, saya nasihat bekerjalah dengan tekun dan ikhlas kerana pada zaman sekarang untuk mencari pekerjaan adalah tidak mudah," katanya, yang menitik beratkan aspek kerjasama dalam usaha membangunkan ladang berkenaan.



Riang Raya FGV



Berpiknik Di Lebuhraya

Membuat perancangan teliti amat penting apabila membuat perjalanan jauh. Pengalaman lalu mematangkan diri agar peristiwa berbuka puasa di dalam kereta tidak berulang.

Jumlah kenderaan yang kian bertambah menyebabkan jalan raya sesak dan ruang rehat juga dipenuhi orang ramai.

Perjalanan menjemput anak pulang dari asrama untuk berhari raya terpaksa ditempuhi kerana membawa pulang barang-barang yang banyak. Tidak sampai hati untuk menyuruh anak perempuan menaiki bas, maka kami sekeluarga memutuskan untuk ke asramanya di Kuantan, Pahang.

Kali ini kami membuat persiapan lebih awal. Kami siap membawa bekal kerana tahu medan selera di R&R akan penuh. Tikar juga turut dibawa kerana kami merancang untuk berpiknik di satu lokasi di dalam perjalanan nanti.

Hampir waktu Maghrib kami tiba di Petronas Bentong dan kami mencari parkir yang kosong. Terdapat banyak kereta dan lori yang telah mula memenuhi kawasan tersebut. Kami turun daripada kereta dan mencari ruang kosong di atas padang rumput di stesen minyak tersebut. Ternyata bukan kami seorang yang berfikiran



sama kerana terdapat beberapa keluarga turut mencari ruang untuk berbuka di atas rumput hijau di tepi lebuhraya itu.

Kami pun meletak dan menyusun bekal yang kami bawa untuk berbuka. Anak-anak turut teruja dan menolong mendedok makanan.

Bukan harga makanan yang menjadi ukuran tetapi memori yang dicipta

bersama keluarga adalah pengalaman yang paling berharga.

Usai solat dan makan kami berkemas. Kami pastikan tidak ada sampah sarap yang ditinggalkan.

Kami meneruskan perjalanan dengan perut yang kenyang dan hati yang senang.

Azha Mat Salleh
FMD, FGVHB

MICROSLEEP KETIKA MEMANDU



- Keadaan di mana pemandu akan tertidur beberapa saat tanpa disedari walaupun mata terbuka & tangan memegang stereng kereta
- Sangat merbahaya kepada pemandu & orang lain

• GEJALA



• PENCEGAHAN

- 1 Jangan memandu jika mengantuk
- 2 Gerakkan tubuh badan
- 3 Dengar radio
- 4 Berbual
- 5 Bertukar pemandu
- 6 Makan vitamin
- 7 Rehat yang cukup
- 8 Berhenti seketika untuk berehat



DATO' DZULKIFLI ABD WAHAB
Penaung KSFGV



MOHD NAZRUL IZAM MANSOR
Penasihat KSFGV



MUHAMMAD NAJIB AB MANAN
Pengerusi KSFGV

**ANDA
BERSEDIA?**

KEJOHANAN
BADMINTON
PIALA PENGURUSI



KEJOHANAN
Bola Jaring

PIALA SRIKANDI

Iklan Raya Kumpulan FGV



Biar Raya tak semerah dulu,
Namun Raya betul-betul
teresa Raya
Bila kita raikan bersama
mereka yang tersayang.

Klik untuk video
<https://bit.ly/3NihFPt>



Kehilangan itu memang
pedih dan pahit,
Namun dalam rindu ada
manisnya.

Klik untuk video
<https://bit.ly/3Lz7Xap>



Eh, tapi kesian dekat Harith.
Apa jadi pada Harith? Mak
dan ayah dah tunggu di
kampung. Harith boleh
balik kampung ke tidak?

Klik untuk video
<https://bit.ly/39sSyLp>

MENANGI HADIAH BERJUMLAH SEHINGGA
RM 150,000

02 APRIL - 27 MEI 2022

HADIAH PERTAMA 3X RM 10,000

HADIAH KEDUA 4X RM 5,000

HADIAH KETIGA 10X RM 2,000

Jom Menang!


Touch n GO eWallet
PIN Tambah Nilai

HADIAH HARIAN BERJUMLAH SEHINGGA
RM 80,000



Tertakluk kepada termasuk syarat.
Untuk maklumat lanjut layari www.sajiraikanbersama.com

Punten Kuah Kacang Manis Berempah



BAHAN-BAHAN:

Kuah kacang

1 genggam kacang tanah
20 biji cili padi
2 sudu besar gula Prai
Bawang putih (dicincang)
Kicap lemak manis Saji
Minyak masak Saji
Santan Saji

Krimer sejat cair Saji
Serbuk jintan putih
Serbuk ketumbar
Serbuk jintan manis
Serbuk perasa
Serbuk lada hitam
Garam gunung Saji

Nasi kepal

1 cawan beras Basmathi
3 cawan air
1/2 sudu besar garam gunung Saji
1/2 cawan santan Saji

CARA PENYEDIAAN:

Nasi kepal

- Cuci beras dan bilas sehingga bersih.
- Masukkan 1/2 cawan santan, garam dan air serta gaul sehingga sebatи.
- Setelah air kering, ratakan nasi dan lenyekkan nasi sehingga mampat.
- Rehatkan nasi selama satu ke dua jam.

Kuah Kacang

- Toskan kacang yang sudah digoreng dan tumbuk kasar.
- Tumiskan bawang putih yang telah dicincang dan cili padi serta masukkan kacang tumbuk, gaul sehingga sebatи.
- Seterusnya masukkan pula garam, serbuk jintan putih, serbuk ketumbar, serbuk jintan manis, krimer sejat cair dan santan.
- Perasakan dengan serbuk cukup rasa, sedikit kicap manis dan serbuk lada hitam.
- Setelah digaul rata sehingga likat, tutup api dan sedia untuk dihidangkan.

Resipi oleh:
Ahmad Fahmi Aizuddin
FGVRI

BAHAN-BAHAN:
Bahan tumbuk / kisar

Belimbing buluh	Garam gunung Saji
Bawang merah	Gula Prai
Cili padi	(nisbah sukatan: 1 cawan belimbing : 2 cawan ikan bilis : 1 cawan cili padi)
Ikan bilis	
Minyak masak Saji	

CARA PENYEDIAAN:

- Rebus belimbing buluh dengan sedikit garam tanpa letak air. Masak guna api kecil hingga belimbing kecut dan bertukar warna gelap. Keringkan airnya.
- Bila siap direbus, lenyekkan belimbing dan buang airnya.
- Panaskan minyak masak dan tumis bahan tumbuk atau kisar.
- Masukkan belimbing buluh yang telah direbus mengikut nisbah bilis dan cili.
- Perasakan dengan garam, gula dan serbuk perasa dengan secukupnya.
- Gaul semua bahan hingga sebatи. Tunggu hingga sambal kering antara 5-10 minit. Kacau sentiasa.

Sambal Hitam



Resipi oleh:
Siti Norazurah Mahat
FGVKP Semambu

PERADUAN FOTO & UCAPAN KREATIF HARI BAPA

(Ahad- 19 Jun 2022)

- Ambil foto anda bersama bapa tercinta.
- **Lima pemenang** foto berserta ucapan yang kreatif bakal memenangi hadiah-hadiah menarik!



Selamat



Hari



Bapa



Sedunia

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

1. Terbuka kepada semua warga Kumpulan FGV.
2. Foto tidak melebihi 2MB
3. Ucapan tidak melebihi 15 patah perkataan.
4. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 10 Jun 2022

Hantarkan penyertaan anda ke groupstrategiccomms@fgvholdings.com atau WhatsApp ke nombor +60192004600

